

TARIKH	SELASA, 5 JULAI 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	BERSAMA HAYATI KELUARGA MALAYSIA, RAI HARI KEBANGSAAN
M/S	15
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	MANAGEMENT

Bersama hayati Keluarga Malaysia, rai hari kebangsaan

Keprihatinan perlu untuk terus bergerak ke hadapan

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bertema 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama', sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 kali ini dilihat lebih menonjolkan sifat menyeluruh kerana ia turut memabatkan penyertaan daripada komuniti di peringkat akar umbi.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa, berkata selepas dua tahun negara tidak dapat meraikan sambutan patriotik secara fizikal, tahun ini penuh bermakna ia dapat diraikan di seluruh negara.

Katanya, sambutan ini bukan sahaja melambangkan kemerdekaan negara, tetapi lebih penting ia dapat dihayati oleh Keluarga Malaysia keseluruhannya dan pada masa sama menanam semangat kecintaan dan bersama-sama harungi hala tuju bangsa negara yang disayangi.

"Lihat saja cabaran yang dihadapi oleh negara dan rakyat sepanjang tempoh pandemik dua tahun lalu di mana kita lihat solidariti rakyat, kepimpinan dan kestabilan politik yang amat diperlukan untuk kita semua bebas daripada wabak yang belum pernah terjadi sepanjang peradaban manusia.

"Keputusan demi keputusan yang tidak teragak-agak perlu dilakukan, komitmen kepimpinan luar biasa sangat ditagih dalam usaha menyelamatkan rakyat negara ini daripada wabak yang amat dahsyat ini.

"Pada saat itu formula kejayaan paling terbaik ialah kebersamaan rakyat bersama kepimpinan negara untuk mengharungi detik sukar ini yang sekali gus menjadi saksi kita semua berjaya keluar daripada suasana wabak itu," katanya pada Majlis Pelancaran Logo dan Tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022, di sini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM), Datuk Seri Mohamad Mentek dan Ketua Pengarah Penerangan, Datuk Mohd Sukari Ab Hamid.

Annuar yang juga merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 berkata,



Majlis Pelancaran Logo dan Tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.



kini negara memasuki era peralihan endemik dan pasti cabaran lain yang tidak kurang mengancam kehidupan rakyat iaitu tekanan kenaikan harga dan inflasi yang berlaku di seluruh dunia.

"Kita tidak boleh duduk diam sahaja dan perlu melakukan langkah tambahan di mana semua agensi kerajaan dan pihak terbabit serta rakyat digembangkan untuk menguruskan inflasi supaya semua pihak tidak terjejas teruk.

"Semangat Malaysia prihatin itu perlu diteruskan dan Keluarga Malaysia sentiasa di bawah jaminan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob supaya kesejahteraan dan bakikan rakyat terjaga.

"Prinsip kebersamaan penting dan keprihatinan itu perlu untuk kita terus bergerak ke hadapan yang didukung oleh Keluarga Malaysia secara keseluruhannya," katanya.

Justeru, menjelang sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 ini, beliau mengesakan agar setiap komuniti, bangsa dan agama turut mengambil bahagian menyambutnya dengan cara tersendiri.

Katanya, sebelum ini setiap kali sambutan diraikan, ia seolah disambut oleh satu kaum dan hanya di ibu negara saja kelihatan meriah dengan sambutan itu.

"Kita tidak mahu begini lagi dan saya mahu lihat ia disambut secara besar-besaran tidak kira di pedalaman atau di bandar.

"Kita akan menggerakkan agensi terbabit untuk melaksanakan hebahkan mengenai sambutan ini pada segenap peringkat akar umbi dan jika boleh kita wujudkan satu pertandingan untuk melihat bagaimana Keluarga Malaysia meraikan sambutan kemerdekaan ini dengan cara mereka.

"Kita akan menulis surat kepada semua wakil kerajaan negeri dan wakil rakyat untuk

mendapatkan kerjasama dengan penduduk di kawasan mereka," katanya.

Sementara itu, Ketua Urusetia Jawatankuasa Media dan Publisiti Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022, Datuk Sivabalan Ethirmanasingham, berkata pelancaran logo dan tema sambutan kemerdekaan ini bertujuan untuk rakyat mengibarkan Jalur Gemilang dan menghayati bulan kebangsaan ini.

Katanya, pemilihan logo tahun ini berkonsepkan jalur liputan internet yang melambangkan pembangunan infrastruktur, sistem komunikasi serta pendigitalan yang semakin maju dan berkembang untuk kemudahan rakyat.

"Ini selaras dengan hasrat kerajaan khususnya dalam usaha menajayakan MyDIGITAL dan seterusnya melengkapkan pelak-

sanaan program di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELANA) yang memanfaatkan seluruh Keluarga Malaysia.

"Pemilihan tiga jalur warna iaitu merah, biru dan kuning mencerminkan Keluarga Malaysia yang mempunyai jati diri dan semangat patriotik.

"Logo ini juga menterjemahkan keterbukaan rakyat Malaysia dalam meraikan perbezaan dan kepelbagaian demi kemajuan bersama," katanya.

Menyentuh mengenai tema pula, beliau berkata, ia selari dengan konsep keharmonian Keluarga Malaysia yang diinspirasi oleh Perdana Menteri.

"Keluarga Malaysia merujuk kepada masyarakat yang hidup aman damai dan bersatu padu dalam keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran, manakala frasa 'Teguh Bersama' mendukung maksud kekuatan dan kesepaduan yang dicapai secara kolektif serta mampan.

"Bagi menyemarakkan lagi sambutan Bulan Kebangsaan tahun ini, tiga aktiviti utama akan diadakan iaitu pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang pada 30 Julai di Putrajaya, sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos di Daratan Merdeka dan sambutan Hari Malaysia pada 16 September di Melaka.

"Bagaimanapun, prosedur operasi standard (SOP) akan tetap dilaksanakan dan berharap setiap orang akan dapat mematuhi," katanya yang menjangkakan sambutan hangat akan diberikan oleh setiap orang.

Maklumat lanjut berkaitan tema, logo dan aktiviti Bulan Kebangsaan 2022 boleh didapati di laman web www.merdeka360.my.



Annuar (tengah) berucap pada Majlis Pelancaran Logo dan Tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022, baru-baru ini.

DISEDIAKAN OLEH	1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM 2-CARLOS LINTON (S19), BPM UNIT PERPUSTAKAAN, BPM
------------------------	---